

# Melebarkan sayap MSC Malaysia ke India

UM - 28/11/2006

Oleh **HAMDEN RAMLI**

(Yang membuat liputan majlis perasmian pejabat perwakilan MDeC di Bangalore, India baru-baru ini)

**PEMBANGUNAN** Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) tidak akan lengkap jika ia tidak dikembangkan ke luar negara bagi menarik pelaburan dari seluruh dunia.

Atas dasar itu Multimedia Development Corporation (MDeC) selaku pelaksana inisiatif berkenaan tidak menunggu lama untuk meletakkan MSC Malaysia di peringkat global.

Lebih-lebih lagi setelah fasa pertama untuk menyiapkan segala infrastruktur dalam negara termasuk menubuhkan beberapa bandar siber telah siap disempurnakan.

Langkah pertama MDeC melebarkan sayap MSC Malaysia ke luar negara secara agresif bermula 2004 dengan pembukaan pejabat perwakilan di Jeddah, Arab Saudi; dan Dalian, China.

Menyedari langkah itu belum mencukupi, MDeC mengambil langkah berani dengan membuka pejabat perwakilan baru di India dan Bangalore yang terletak di selatan negara itu dipilih sebagai lokasi.

Majlis perasmian pejabat berkenaan telah disempurnakan awal bulan ini oleh Menteri Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Sebagai negara kedua yang mempunyai kadar populasi tertinggi dunia, India menawarkan pelbagai peluang pasaran kepada syarikat tempatan mengembangkan operasi termasuk dalam teknologi, komunikasi dan maklumat (ICT), bioteknologi dan angkasa.

Dan Bangalore yang dikelaskan sebagai antara 10 Bandar Teknologi Utama Dunia mempunyai segala-galanya untuk dimanfaatkan oleh Malaysia.

Secara ringkasnya, Bangalore yang terletak di wilayah Karnataka, selatan India dibahagi kepada tiga kelompok utama iaitu Taman Teknologi Perisian; International Technology Park Ltd; dan Bandar Raya Elektronik.

Bandar raya yang dihuni oleh 5.6 juta

penduduk itu kini menjadi 'rumah' kepada 1,584 syarikat berasaskan ICT, termasuk 250 syarikat berteknologi tinggi dan 62 syarikat multinasional yang menawarkan peluang pekerjaan kepada 200,000 orang.

Sebanyak 40 peratus atau 20 daripada 52 syarikat penyumburan luar terkemuka dunia atau SEI-CMM tahap 5, turut memilih bandar ini sebagai pusat operasi.

Lebih satu pertiga daripada jumlah eksport perisian yang dikeluarkan India datang dari bandar itu dan nilai tersebut dijangka mencecah 16 bilion dolar Amerika Syarikat (AS) hujung tahun ini.

Sebagai sebuah destinasi pelaburan utama di India, Karnataka terus menarik minat sekurang-kurangnya empat syarikat IT dengan pemilikan 100 peratus luar negara, sebulan.

Melihat kualiti yang ada, Bangalore diibaratkan lubang bagi pengembangan perdagangan ICT dunia. Justeru, bagi Malaysia, peluang itu harus direbut, dan pembukaan pejabat perwakilan itu dilihat akan membuka ruang yang lebih luas ke arah itu.

Malah perkara itu diakui sendiri oleh Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Business Intelligence Technologies (BIT), Raghu Nathan Ayer.

"Ini adalah langkah paling bijak dan Bangalore adalah destinasi terbaik untuk meneroka India," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

BIT salah sebuah syarikat terkemuka India yang menjadi pendahulu di dalam bidang perdagangan pintar dengan keupayaan menyediakan aplikasi serta penyelesaian untuk sektor perbankan dan telekomunikasi.

Raghu menambah, kehadiran MDeC di bandar itu akan meningkatkan peluang kerjasama, memudahkan pergerakan tenaga kerja dalam membangunkan keupayaan bertaraf dunia.

"Selain strategik, Bangalore disokong dengan kewujudan institusi pendidikan yang mampu menarik pelajar dari seluruh India dan ia adalah antara bandar raya yang mampu menarik kehadiran golongan muda," katanya.

Apa yang pasti, pembukaan pejabat

tersebut bukan sahaja penting bagi pembangunan syarikat ICT tempatan tetapi mampu merencanakan agenda pembangunan MSC Malaysia menerusi kemasukan pelaburan asing dari India.

Seperti ditegaskan oleh Jamaludin pada majlis perasmian baru-baru ini, tindakan agresif itu juga selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu Malaysia tidak hanya bertumpu kepada pasaran tradisional semata-mata.

"Perdana Menteri mahu kita mengembangkan horizon termasuk mempelajari daripada negara-negara yang sedang membangun seperti China dan India," katanya.

Pada masa ini dianggarkan hanya 12 syarikat ICT tempatan telah meluaskan operasi di India dan pada masa sama hanya 55 syarikat dengan kepentingan 100 peratus India telah melabur di MSC Malaysia.

Jumlah itu tidak mustahil akan ber-

jumlah jika maklum balas syarikat-syarikat India dalam pertemuan tertutup bersama Jamaludin diambil kira.

Perkembangan tersebut pasti mengembirakan namun paddy masayang sama turut menimbulkan persoalan tentang keupayaan syarikat tempatan untuk bersaing di pasaran India.

Ketua Pegawai Eksekutif MDeC, Badlisham Ghazali yakin kerana syarikat tempatan mempunyai keupayaan tinggi serta kepakaran dalam bidang tertentu.

Sebagai contoh katanya, sebuah syarikat pencari pekerja tempatan telah berjaya menarik minat sebuah stesen televisyen India untuk melabur di dalam operasi syarikat tersebut di India.

Dalam pada itu, Jamaludin berkata MDeC akan melaksanakan pelan induk lima tahun dalam tempoh setahun bagi menetapkan sasaran jumlah pelaburan asing langsung yang boleh ditarik masuk ke MSC Malaysia.